

Komuniti fotografi bantu promosi Labuan

UB 06.01.2012 B12

SERAMAI 50 peminat fotografi dari Wilayah Persekutuan Labuan, Kota Kinabalu dan Brunei Darussalam telah berhimpun di pulau ini bagi menjayakan program Street Camp Jebat.net baru-baru ini.

Program Street Camp merupakan aktiviti bulanan dalam kalendar tahunan Jebat.net Fotografi yang mendedahkan peserta dengan asas dan teknik fotografi jalanan.

Mohd Idremizan Idris dari Jebat.Net Fotografi berkata, antara pengisian dalam program itu ialah setiap peserta akan diberikan tugas merakam gambar selama tiga jam di sekitar bandar Labuan.

Kemudian gambar itu akan dinilai oleh tiga ahli panel iaitu Yacob Ali

Hassan dari Unplan Crew Brunei Fotografi Jalanan, Mohd Yuszren dari Kelab Fotografi Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dan Idremizan sendiri.

Antara yang menyertai program pada kali ini ialah Komuniti Geng Kaki Foto (GKF) Labuan, Kelab Fotografi UMS-KAL, Komuniti Jebat.Net Sabah dan Unplan Crew Brunei Fotografi Jalanan.

"Pada awal tahun ini, Jebat.Net Fotografi akan mengadakan program di negara Brunei Darussalam untuk menambah pengetahuan dan pengalaman baru bersama peminat fotografi," katanya.

Sementara itu, seorang peminat fotografi, Ramlen

Salleh mengalu-alukan rakan-rakan dari Sabah, Sarawak dan Brunei untuk mengadakan program sedemikian di Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain untuk menambah ilmu dalam bidang itu, mereka juga boleh membantu mempromosi destinasi pelancongan yang menarik di Wilayah Persekutuan Labuan untuk tatapan rakyat di ketiga-tiga wilayah untuk berkunjung ke pulau bebas cukai ini.

"Kami sedia bekerjasama dan membantu mana-mana pihak untuk mengadakan aktiviti fotografi yang tentunya memberikan manfaat kepada Wilayah Persekutuan Labuan secara keseluruhannya," katanya yang juga pegawai di Jabatan Penerangan Labuan.



PARA peserta bergambar kenangan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, Jln Sungai Pagar.